

**PENINGKATAN KEUPAYAAN TENTERA NASIONAL
INDONESIA DI ERA PASCA SUHARTO
DAN IMPLIKASINYA TERHADAP
KESELAMATAN MALAYSIA**

MOHD NAZARUDDIN BIN MOHD NAZIR

**SARJANA SAINS
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL
MALAYSIA**

2017

**PENINGKATAN KEUPAYAAN TENTERA NASIONAL INDONESIA DI
ERA PASCA SUHARTO DAN IMPLIKASINYA TERHADAP
KESELAMATAN MALAYSIA**

MOHD NAZARUDDIN BIN MOHD NAZIR

**Tesis ini dimajukan untuk Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Pertahanan
Nasional Malaysia sebagai memenuhi syarat bagi memperolehi Ijazah Sarjana
Sains (Strategik dan Hubungan Antarabangsa)**

Okt 2017

ABSTRAK

Tesis ini mengkaji peningkatan kemampuan Tentera Nasional Indonesia (TNI) pasca Suharto dan implikasinya kepada keselamatan Malaysia. TNI pasca Suharto atau juga digelar era reformasi telah meninggalkan arena politik dan fokus kepada tugas utamanya iaitu mempertahankan kedaulatan Negara Kesatuan Republik Indonesia daripada ancaman dalaman dan luaran. Peningkatan kemampuan TNI adalah berkonsepkan Keperluan Kekuatan Minima atau dalam bahasa Inggeris disebut *Minimum Essential Force* yang membawa maksud menyediakan satu angkatan tentera yang kredibel dan mampu melaksanakan tugas memelihara kedaulatan dan keselamatan negara berasaskan analisis ancaman semasa dan mengambil kira kemampuan ekonominya untuk menyediakan bajet pertahanan. Permasalahan timbul apabila peningkatan kemampuan ini digunakan oleh TNI untuk melaksanakan operasi yang aktif dan agresif di sempadan perairan dan daratan sehingga menyebabkan terjadinya provokasi dengan Angkatan Tentera Malaysia, nelayan dan pembalok Malaysia diganggu dan ditangkap. Tesis ini mengandaikan bahawa pelaksanaan operasi yang aktif dan agresif telah mengancam keselamatan Malaysia. Pengkaji menggunakan kaedah kajian kualitatif. Ianya merujuk kepada data primer dan sekunder. Empat sesi temubual telah diadakan dengan Ketua Anggota Tentera Cawangan Khas, Pegawai Meja Indonesia di Bahagian Staf Perisikan Pertahanan, Pegawai Memerintah Kapal Diraja Baung dan seorang Pegawai Tentera Nasional Indonesia – Angkatan Udara untuk mendapatkan maklumat primer bagi memperkukuhkan analisis di dalam tesis. Maklumat sekunder pula diperolehi dengan merujuk pada buku, jurnal, akhbar dan juga internet mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan TNI, dasar pertahanan, strategi dan keselamatan. Rujukan dibuat di perpustakaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Maktab Pertahanan Angkatan Tentera, *Institute of Strategic and International Studies*, *Institute of Defence and Foreign Relations* dan Perpustakaan Kementerian Pertahanan. Tesis ini berasaskan teori *neorealism* yang membahaskan konsep ‘strategi’ iaitu kaedah di mana kuasa tentera digunakan dalam mencapai sesuatu kepentingan dan juga konsep keselamatan iaitu kebebasan dari ancaman. Teori *neorealism* sesuai kerana ianya mengkaji tentang sebab musabab berlakunya sesuatu ancaman dan konflik. Konsep strategi dalam kerangka teori ini pula, sesuai memandangkan ianya membabitkan pengaplikasian kuasa ketenteraan oleh TNI di sempadan perairan dan daratan dengan Malaysia. Konsep keselamatan pula diketengahkan memandangkan Malaysia kini berasa terancam dengan tindak tanduk agresif TNI. Terdapat lima faktor kedapatan kajian yang dikenal pasti menimbulkan implikasi keselamatan kepada Malaysia iaitu faktor geografi, faktor politik, faktor isu-isu dua hala, faktor peningkatan kemampuan dan faktor pelaksanaan operasi yang aktif dan agresif. Kajian ini adalah berkaitan dengan ancaman terhadap keselamatan Malaysia. Oleh yang demikian ianya amat berguna kepada institusi dan juga agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dengan keselamatan Malaysia.

ABSTRACT

This thesis studies Tentera Nasional Indonesia (TNI) capabilities development post Suharto and its implication towards the security of Malaysia. TNI post Suharto or also known as the era of '*reformasi*', left politics and focus on its main task of safe guarding the sovereignty and territorial integrity of Indonesia from internal and external threats. TNI capabilities development is based on the concept of Minimum Essential Force, meaning to have a credible force capable of conducting its task of safe guarding the nation, base on the current threat analysis and taking into consideration the country's economy to serve the defence budget. Problems arise, when the capabilities development obtained are used to conduct an active and aggressive operations at the land and sea border of Malaysia which provoked the Angkatan Tentera Malaysia (ATM) and create disturbance to Malaysian fishermen and timber loggers. It is assumed that the conduct of active and aggressive actions by TNI at the land and sea bordering Malaysia, has threatened the security of Malaysia. This thesis applied the qualitative analysis method. For the collection of primary data, the writer interviewed Head of the Military Intelligence Special Branch, the Desk Officer of Indonesia in Defence Intelligence Staff Division, the Commanding Officer of Kapal Diraja Baung, Tentera Laut Diraja Malaysia and one officer from Tentera Nasional Indonesia – Angkatan Udara. Secondary data pertaining to TNI, defence policy, strategy and security, are collected through books, journal, newspapers and internet. Sources of reference are also collected from the library of the National Defence University, National University of Malaysia, Armed Forces Defence College, Institute of Strategic and International Studies, Institute of Defence and Foreign Relations and the Ministry of Defence Library. This thesis applied the theory of neorealism based on the concept of strategy that is the use of military power to achieve the intended objectives and the concept of security, a situation free from threats. The theory of neorealism befits the theoretical framework of this thesis since it explained what are the causes of conflict. The concept of strategy in this theoretical framework is relevant since the application of military power by TNI at the land and sea bordering Malaysia. The concept of security on the other hand, refers to Malaysia of being threatened by the TNI's aggressive action. There are five factors identified that cause the security implication towards Malaysia – geographical factor, political factor, bilateral issues factor, capabilities development factor and the conduct of active and aggressive military operation factor. This thesis is about the threat to Malaysia's security. It is of great use and could become a reference to the institution and government agencies dealing with the security of Malaysia.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya kepada Prof Ruhanas yang ikhlas menyelia, memberi komen dan mencadangkan idea-idea yang bernas kepada saya dalam rangka penyediaan tesis ini. Penghargaan dan terima kasih juga kepada Brigadier Jeneral Dato' Rezil, Leftenan Kolonel Ariffin, Komander Azman dan Mayor Andi Sultan Ilias yang sudi ditemubual untuk saya mendapat maklumat primer yang sangat penting untuk memperkukuhkan analisis dalam kajian tesis ini. Begitu juga dengan ramai lagi sahabat dan rakan taulan dalam bidang kesarjanaan yang memberi komen dan pendapat untuk memurnikan kajian. Kepada mereka semua sekali lagi setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

Organisasi Bahagian Staf Perisikan Pertahanan Kementerian Pertahanan banyak mendorong saya memilih tajuk tesis ini yang berkaitan dengan peningkatan keupayaan Tentera Nasional Indonesia di pasca Suharto. Saya juga diberi galakan dan dorongan oleh Ketua Pengarah, Leftenan Jeneral Datuk Abdul Hadi bin Hussin yang mahukan pegawai tentera menimba ilmu ke peringkat sarjana agar dapat lebih bersedia untuk memikul tanggungjawab di peringkat yang lebih tinggi. Setinggi-tinggi penghargaan saya kepada organisasi dan Ketua Pengarah.

Isteri dan anak-anak banyak memberi sokongan moral. Jarang saya diganggu apabila menulis tesis. Ahmad tukang buat kopi panas sementara Faten sekali sekala masuk bilek menglipur lara, intervensi tatkala ayahnya keletihan. Nuwairah pula bertindak nakal telefon dari jauh diwaktu malam bertanya khabar ayahnya yang sibuk buat tesis. Isteri saya Normalis sentiasa memberi dorongan kepada saya untuk menambah ilmu. Terima kasih kepada keluarga tersayang.

Kehadrat ilahi jugalah saya bersyukur kerana dengan limpah kurnianya saya diberi hikmah dan kesabaran untuk menyiapkan tesis ini.

KELULUSAN

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan telah bersidang pada 21 Ogos 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Mohd Nazaruddin bin Mohd Nazir (No Matrik: 3080059) ke atas tesis ijazah sarjana bertajuk **Peningkatan Keupayaan Tentera Nasional Indonesia di Era Pasca Suharto dan Implikasinya Terhadap Keselamatan Malaysia**. Jawatankuasa ini memperakukan bahawa calon layak dianugerahkan Ijazah Sarjana Sains (Strategik dan Hubungan Antarabangsa).

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan adalah seperti berikut:

Kol Felo Kanan Abdul Latif bin Harun (B)

Dekan

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Pengerusi)

Lt Kol Mohd Zaini bin Salleh, PhD

Profesor Madya

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Pemeriksa Dalaman)

Roy Anthony Rogers, PhD

Pensyarah Kanan

Jabatan Pengajian Strategik dan Antarabangsa

Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Universiti Malaya (UM)

(Pemeriksa Luaran)

KELULUSAN

Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan telah memenuhi piawaian bagi tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Strategik dan Hubungan Antarabangsa). Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ruhanas binti Harun

Profesor


Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

(Penyelia)

PENGAKUAN

Nama Penuh Penulis : MOHD NAZARUDDIN BIN MOHD NAZIR
(3080059)
Tarikh Lahir : 20 Dis 1962
Tajuk : Peningkatan Keupayaan Tentera Nasional
Indonesia di Era Pasca Suharto dan
Implikasinya Terhadap Keselamatan Malaysia
Sesi Akademik : 2011/2017

**SULIT**

(Mengandungi maklumat yang berdarjah Keselamatan atau keselamatan Malaysia yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA Rasmi 1972)*

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

**TERBUKA**

(Mengandungi maklumat yang tidak berdarjah keselamatan)

Saya mengaku bahawa Universiti Pertahanan Nasional Malaysia mempunyai hak sebagaimana berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan penyelidikan sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dibenarkan membuat salinan tesis bagi tujuan pertukaran akademik.

TANDATANGAN

T3003110
NO KAD PENGENALAN

Tarikh:

TANDATANGAN PENYELIA

PROFESOR
RUHANAS BINTI HARUN
NAMA PENYELIA

Tarikh:

*Catatan: Jika kertas akademik ini **RAHSIA** atau **SULIT**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali tempoh Kertas Akademik ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT**.

ISI KANDUNGAN

	Mukasurat
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
KELULUSAN	v
PENGAKUAN	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI GAMBAR RAJAH	xvii
SENARAI JADUAL	xviii
SENARAI KEMBARAN	xix
SENARAI SINGKATAN	xx

BAB

1	Pengenalan	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pernyataan Masalah	3
1.3	Andaian	5
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Persoalan Kajian	6
1.6	Ulasan Karya	7
1.7	Kerangka Teori	25
1.8	Kaedah Kajian	28
1.9	Skop	30
1.10	Signifikan Kajian	30
1.11	Limitasi Kajian	31

1.12	Susunan Bab-Bab	31
1.13	Rumusan	33
2	PERSPEKTIF GEOPOLITIK DAN KESELAMATAN NEGARA INDONESIA	35
2.1	PENDAHULUAN	35
2.2	LATAR BELAKANG NEGARA INDONESIA	36
2.2.1	Geografi	37
2.2.2	Demografi	37
2.2.3	Ekonomi	38
2.3	INDONESIA DALAM POLITIK DAN KESELAMATAN SERANTAU	40
2.3.1	Kedudukan Dasar Luar Indonesia	41
2.3.2	Pandangan Strategik	42
a.	Keadaan Keselamatan Asia Pasifik	43
b.	Modernisasi Kuasa Ketenteraan	45
c.	Isu Sempadan Antara Negara	46
d.	Terorisme Global	47
e.	Penyuluhan	47
f.	Jenayah Rentas Sempadan	48
g.	Perkembangan Sains dan Teknologi	49
h.	Bencana Alam	49
2.4	KESELAMATAN NEGARA INDONESIA	51
2.4.1	Ancaman Berterusan Terorisme di Indonesia	52
2.4.2	Masalah Papua	53
2.4.3	Keganasan Bermotivasi Agama dan Politik	54

2.4.4	Isu Maritim	54
2.4.5	Pertikaian Wilayah dan Sempadan	56
2.4.6	Hubungan Antara Kuasa Utama	57
2.4.7	Penguasaan China di Laut China Selatan	57
2.5	ISU-ISU DUA HALA MALAYSIA-INDONESIA	59
2.5.1	Konfrontasi Malaysia-Indonesia	60
2.5.2	Pendatang Tanpa Izin	61
2.5.3	Isu Persempadanan	63
2.5.4	Isu Pertindihan	67
2.5.5	Isu Ciplak Budaya	67
2.6	TENTERA DALAM POLITIK INDONESIA	68
2.6.1	Fungsi Tentera	69
2.6.2	Keabsahan Kuasa Politik TNI	70
2.6.3	Struktur Kuasa Politik TNI	71
2.7	RUMUSAN	72
3	TNI DAN PERTAHANAN NEGARA INDONESIA	74
3.1	PENDAHULUAN	74
3.2	TNI ERA PASCA SUHARTO	74
3.3	PARADIGMA BARU	75
3.4	DASAR PERTAHANAN INDONESIA	76
3.4.1	Doktrin dan Strategi Pertahanan	78
3.4.2	Polisi Pembangunan Kekuatan Pertahanan	79
3.4.3	Polisi Pengerahan dan Penggunaan Kekuatan Pertahanan	81

3.4.4	Polisi Bajet	83
3.4.5	Polisi Kerjasama Antarabangsa	83
3.4.6	Polisi Mengurus Sumber Daya Nasional	84
3.4.7	Polisi Pengembangan Kekuatan Pertahanan	85
3.4.8	Polisi Pengawasan	85
3.5	TNI DALAM PERTAHANAN DAN DIPLOMASI ANTARABANGSA INDONESIA	85
3.5.1	Pendekatan Cegah Rintang	86
3.5.2	Pendekatan Penguatkuasaan	87
3.5.3	Pendekatan Pemulihan	87
3.5.4	TNI Dalam Diplomasi Antarabangsa	88
3.6	STRUKTUR ORGANISASI DAN KEKUATAN TNI	89
3.7	TENTERA DARAT INDONESIA	90
3.7.1	KOSTRAD	90
3.7.2	KOPASSUS	91
3.7.3	KODAM	91
3.8	TENTERA LAUT INDONESIA	93
3.8.1	Keperluan Kapal-Kapal Baru	94
3.8.2	Perolehan Kapal Ronda dan Pengangkut	94
3.8.3	Organisasi dan Kekuatan TNI-AL	95
3.8.4	Kor Marinir	95
3.9	TENTERA UDARA INDONESIA	96
3.9.1	Organisasi dan Kekuatan	97
3.9.2	Aturgerak Aset-Aset TNI-AU	98
3.9.3	Kekuatan dan Lokasi Pesawat Tempur	99

3.9.4	Kekuatan dan Lokasi Pesawat Pengangkut	100
3.10	INDUSTRI PERTAHANAN DAN R & D	102
3.10.1	PT Dirgantara	102
3.10.2	PT PAL	103
3.10.3	PT Pindad	103
3.10.4	PT Dahana	103
3.11	CABARAN INDUSTRI PERTAHANAN	103
3.12	RUMUSAN	104
4	PENINGKATAN KEUPAYAAN TNI SELEPAS ERA SUHARTO	106
4.1	PENDAHULUAN	106
4.2	PERBANDINGAN KEKUATAN KETENTERAAN INDONESIA DENGAN MALAYSIA	107
4.3	PERBANDINGAN KEKUATAN PERSENJATAAN TNI-AD DAN TENTERA DARAT MALAYSIA	108
4.4	PERBANDINGAN KEKUATAN PESAWAT TNI-AU DAN TUDM	109
4.5	PERBANDINGAN KEKUATAN ASET TNI-AL DAN TLDM	110
4.6	KONSEP KEPERLUAN KEKUATAN MINIMA	110
4.7	TUJUAN PENINGKATAN KEUPAYAAN	112
4.8	BAJET PERTAHANAN	114
4.9	PENINGKATAN KEUPAYAAN TNI-AD	116
4.10	PENINGKATAN KEUPAYAAN TNI-AL	117
4.11	PENINGKATAN KEUPAYAAN TNI-AU	118
4.12	PENINGKATAN KEUPAYAAN DI KAWASAN TUMPUAN OPERASI	122

4.12.1	Peningkatan Keupayaan di Sempadan Darat Kalimantan	122
a.	Penubuhan KODAM Mulawarman	122
b.	Penubuhan Briged Infantri di Bulungan	123
c.	Penubuhan Dua Batalion Infantri di Kalimantan	123
d.	Penubuhan Batalion Tank	123
e.	Penambahan Pos Pemerhati Di Sempadan Sabah-Sarawak	124
4.12.2	Peningkatan Keupayaan di Perairan Karang Unarang	124
a.	Menaik Taraf Pangkalan Laut Tarakan	125
b.	Pemanjangan Landasan Di Lapangan Terbang Tarakan	126
c.	Penempatan Pesawat Pejuang SU-27 Sukhoi di Pangkalan Udara Hasanuddin Sulawesi Selatan	127
d.	Rancangan Pembinaan Pangkalan Kapal Selam di Palu Sulawesi	127
e.	Peningkatan Jumlah Kapal Beroperasi di Karang Unarang	128
4.12.3	Peningkatan Keupayaan di Perairan Tanjong Datu Laut China Selatan	129
a.	Penempatan <i>UAV Searcher</i>	129
b.	Pembinaan Pangkalan Laut dan Landasan Terbang di Tanjong Datu	129
4.12.4	Peningkatan Keupayaan TNI di Natuna – Laut China Selatan	130
a.	Bina Pangkalan Jet Tempur	132

	b.	Tempat Helikopter Tempur Apache	132
	c.	Tambah Satu Batalion Infanteri	132
	d.	Rondaan Oleh Pesawat F 16	133
	e.	Rondaan Laut Yang Aktif	133
	f.	Tempat Pasukan Khas	133
	4.12.5	Peningkatan Jumlah Kapal Beroperasi di Laut Johor	134
	4.12.6	Peningkatan Jumlah Kapal Beroperasi di Selat Melaka	134
	4.13	RUMUSAN	135
5		ANALISIS IMPLIKASI KEPADA KESELAMATAN MALAYSIA	137
	5.1	PENDAHULUAN	137
	5.2	PERSEPSI DAN KEDUDUKAN TERANCAM MALAYSIA	138
	5.3	FAKTOR-FAKTOR YANG MENIMBULKAN IMPLIKASI KESELAMATAN TERHADAP MALAYSIA	139
	5.3.1	Faktor Geografi	139
	5.3.2	Faktor Politik	140
	5.3.3	Faktor Isu-isu Dua Hala	141
	5.3.4	Faktor Peningkatan Keupayaan	141
	5.3.5	Faktor Pelaksanaan Operasi Yang Aktif dan Agresif	142
	5.4	STRATEGI ATURGERAK TNI DI SEMPADAN DARAT DAN PERAIRAN NEGARA	143
	5.4.1	KODAM Mulawarman dan KODAM Tanjung Pura	144
	5.4.2	Aturgerak KOSTRAD	144

5.4.3	MALSINDO <i>Coordinated Patrol</i> dan <i>Eyes in the Sky</i>	145
5.4.4	Satuan Kapal Cepat	146
5.4.5	Peningkatan Keupayaan Di Natuna	146
5.4.6	KRI Banjarmasin	148
5.4.7	Tingkat Keupayaan di Karang Unarang	149
5.4.8	Tambahan Radar Pengawasan Udara	149
5.4.9	Penempatan SU 30 dan SU 27 Di Makassar	152
5.4.10	Penempatan Hawk dan UAV Searcher di Pontianak	153
5.5	ANCAMAN TNI TERHADAP KEPENTINGAN MALAYSIA	154
5.5.1	Ancaman Terhadap Para Nelayan Malaysia Yang Menangkap Ikan Di Perairan Negara	154
5.5.2	Ancaman Terhadap Aktiviti Pembalakan Di Sempadan Sarawak-Kalimantan	159
5.5.3	Pencerobohan TNI Di Sempadan Darat Kalimantan	164
5.5.4	Provokasi Terhadap Kapal-Kapal TLDM Di Karang Unarang, Laut Johor Dan Selat Melaka	166
5.5.5	Provokasi Terhadap Pesawat TUDM	167
5.5.6	Mempamer Kekuatan (<i>Show Of Force</i>)	168
5.6	REAKSI MALAYSIA TERHADAP ANCAMAN YANG TERBIT DARI PENINGKATAN KEUPAYAAN TNI	170
5.6.1	Pendekatan Diplomasi	171
5.6.2	Pengukuhan Kerjasama Pertahanan Lima Negara – FPDA	171
5.6.3	Peningkatan Keupayaan ATM	172
5.6.4	ESSCOM dan ATB 2	173

5.6.5	Penubuhan Pemerintah Medan Timur dan Task Force 450	174
5.6.6	Penubuhan Briged 31 Sempadan dan Tambahan Batalion Infanteri di Sabah/Sarawak	175
5.6.7	Aturgerak Kenderaan Tempur Berperisai dan Kenderaan Tempur Infanteri	175
5.6.8	Penubuhan Markas Pemerintahan Armada Timur dan Armada Barat	176
5.6.9	Aturgerak Operasi Di Selat Melaka	176
5.6.10	Kapal Selam Scorpene KD Tunku Abdul Rahman dan KD Tun Abdul Razak	177
5.6.11	Penubuhan Markas Wilayah Udara 1 dan 2	178
5.6.12	Perolehan Pesawat Pengangkut A400M	179
5.6.13	Industri Pertahanan	179
5.7	LANGKAH-LANGKAH MENGURANGKAN PERTEMBUNGAN KEPENTINGAN	180
5.8	KESAN POSITIF	182
5.9	RUMUSAN	183
6	KESIMPULAN	184
	BIBLIOGRAFI	190
	KEMBARAN	200
	BIODATA PELAJAR	220

SENARAI GAMBAR RAJAH

	Muka Surat
Gambar Rajah 1.1: Kerangka Teori	28
Gambar Rajah 3.1: Peta Kedudukan KODAM-KODAM TNI-AD	93
Gambar Rajah 4.1: Peta Menunjukkan Peningkatan Keupayaan TNI di Karang Unarang	128
Gambar Rajah 4.2: Peta Menunjukkan Peningkatan Keupayaan di Tanjung Datu, Natuna, Laut Johor dan Selat Melaka	135
Gambar Rajah 5.1: Peta Kedudukan Strategik Natuna Yang Membelah Semenanjung Malaysia dengan Sabah/Sarawak	148
Gambar Rajah 5.2: Strategi Atur Gerak TNI	153

SENARAI JADUAL**Muka Surat**

Jadual 4.1:	Perbandingan Kekuatan Keanggotaan TNI dan ATM	107
Jadual 4.2:	Perbandingan Kekuatan Persenjataan TNI-AD dan Tentera Darat Malaysia	108
Jadual 4.3:	Perbandingan Kekuatan Pesawat TNI-AU dan TUDM	109
Jadual 4.4:	Perbandingan Kekuatan Aset TNI-AL dan TLDM	110
Jadual 4.5:	Bajet Pertahanan Indonesia	115
Jadual 4.6:	Ringkasan Peningkatan Keupayaan TNI-AD – Anggota dan Persenjataan	117
Jadual 4.7:	Ringkasan Peningkatan Keupayaan TNI-AL – Anggota dan Kapal Perang	118
Jadual 4.8:	Ringkasan Peningkatan Keupayaan TNI-AU – Anggota dan Pesawat Pejuang	121

SENARAI KEMBARAN**Muka Surat**

Kembaran A: Sesi Temubual dengan Brigadier Jeneral Dato' Rezil bin Shahidin	200
Kembaran B: Sesi Temubual dengan Lt Kol Noraripin bin Othman	205
Kembaran C: Sesi Temubual dengan Komander Azman bin Yusof	209
Kembaran D: Sesi Temu Bual dengan Mayor Andi Sultan Ilias	213

SENARAI SINGKATAN

ABRI	Angkatan Bersenjata Republik Indonesia
ALKI	Alur Laut Kepulauan Indonesia
Alutsista	Alat Utama Sistem Senjata
APMM	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
AS	Amerika Syarikat
ASEAN	<i>Association of the Southeast Asian Nation</i>
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
BRIMOB	Briged Mobile
DMZ	<i>Demilitarized Zone</i>
FAC	<i>Fast Attack Craft</i>
GAM	Gerakan Aceh Merdeka
IFF	<i>Identification Friend or Foe</i>
ISIS	<i>Islamic State in Iraq and Syria</i>
Jen	Jeneral
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KALBAR	Kalimantan Barat
KALTARA	Kalimantan Utara
KALTIM	Kalimantan Timur
KASAL	Kepala Staf Angkatan Laut
KD	Kapal Diraja
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KEMENTAH	Kementerian Pertahanan
Km	Kilometer

KOARMABAR	Komando Armada Barat
KOARMATIM	Komando Armada Timur
KODAM	Komando Daerah Militer
KOOPSAU	Komando Operasi Angkatan Udara
KOPASSUS	Komando Pasukan Khusus
KOREM	Komando Resort Militer
KOSEK	Komando Sektor
KOSTRAD	Komando Cadangan Strategi Angkatan Darat
KRC	Kapal Rudal Cepat
KRI	Kapal Republik Indonesia
KTJ	Kawasan Tanggungjawab
LANAL	Pangkalan Angkatan Laut
Lantamal	Pangkalan Utama Angkatan Laut
LCCT	<i>Low Cost Carrier Terminal</i>
LCS	Laut China Selatan
LPD	<i>Landing Platform Deck</i>
Lt Kol	Letnan Kolonel
MAKO	Markas Komando
MALSINDO	Malaysia Singapura Indonesia
MEF	<i>Minimum Essential Force</i>
MOU	<i>Memorandum of Understanding</i>
MRCA	<i>Multirole Combat Aircraft</i>
MSSR	<i>Monopulse Secondary Surveillance Radar</i>
NGO	<i>Non Governmental Organisation</i>
NKRI	Negara Kesatuan Republik Indonesia
OMP	Operasi Militer Untuk Perang

OMSP	Operasi Militer Selain Perang
OPM	Organisasi Papua Merdeka
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PKI	Parti Komunis Indonesia
POLRI	Polis Republik Indonesia
PTU	Panglima Tentera Udara
PU	Pangkalan Udara
RCEP	<i>Regional Comprehensive Economic Partnership</i>
Rudal	Peluru Kendali (<i>Missile</i>)
SBY	Susilo Bambang Yudhoyono
SDR	<i>Strategic Defence Review</i>
Sishamkamrata	Sistem Pertahanan dan Keamanan Rakyat Semesta
TKI	Tenaga Kerja Indonesia
TKR	Tentera Keamanan Rakyat
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
TNI	Tentera Nasional Indonesia
TNI-AD	Tentera Nasional Indonesia Angkatan darat
TNI-AL	Tentera Nasional Indonesia Angkatan Laut
TNI-AU	Tentera Nasional Indonesia Angkatan Udara
TPP	<i>Trans Pacific Partnership</i>
UAV	<i>Unmanned Aerial Vehicle</i> (Pesawat Tanpa Pemandu)
USD	<i>United States Dollar</i>
UUD 1945	Undang-undang Dasar 1945
ZEE	Zone Ekonomi Eksklusif

BAB 1

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Tentera Nasional Indonesia (TNI) atau sebelumnya digelar Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) mempunyai sejarah panjang memerdekakan tanah air dari penjajahan Belanda. ABRI sebelum ini memainkan peranan dwi-fungsi dengan penglibatannya dalam politik dan juga mempertahankan Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI). Di era Suharto, TNI menumpu kepada keselamatan dalam negeri khususnya ancaman terhadap Kesatuan Republik Indonesia oleh gerakan pemisah seperti Gerakan Aceh Merdeka (GAM) di Aceh, Organisasi Papua Merdeka (OPM) di Papua, Fretilin di Timor-Timur dan Gerakan Pemisah di Sulawesi. Era pasca Suharto khususnya di bawah Presiden Susilo, memperlihatkan perubahan dari sudut peranan TNI yang meninggalkan arena politik dan fokus ke arah tugas sebenar ketenteraan iaitu keselamatan dan mempertahankan kedaulatan negara dari ancaman luar dan dalam negara.

Tesis ini mengkaji peningkatan keupayaan TNI di era pasca Suharto dan implikasinya terhadap keselamatan negara Malaysia. TNI di era pasca Suharto kini dilihat lebih terarah dalam melaksanakan fungsi sebenarnya sebagai sebuah agensi yang bertanggungjawab memelihara keselamatan dan kedaulatan negara. Peningkatan keupayaan yang terancang berkonsepkan Keperluan Kekuatan Minima (*Minimum Essential Force* – MEF) telah dilaksanakan oleh TNI untuk tujuan di

atas. Maksud MEF ini ialah menyediakan satu angkatan tentera yang minima dan mampu melaksanakan tugas dengan efektif memelihara kedaulatan dan keselamatan negara berasaskan analisis ancaman sebenar¹.

Analisis ancaman bagi Indonesia masa kini antaranya adalah ancaman terorisme, masalah di Papua, keganasan bermotif agama dan politik, isu maritim, pertindihan wilayah dan sempadan dan hubungan antara kuasa utama. Jika diperhatikan terdapat beberapa isu di atas seperti terorisme, maritim, pertindihan wilayah dan sempadan merupakan isu-isu yang turut mendatangkan implikasi keselamatan kepada Malaysia². TNI memerlukan kekuatan dan keupayaan yang mencukupi untuk menangani pelbagai cabaran ancaman keselamatan ini yang tersebar luas dari Aceh di Barat sehingga ke Papua di Timur. Atas sebab-sebab ini peningkatan keupayaan TNI telah dilaksanakan melalui perolehan persenjataan, penubuhan unit-unit baru, penambahan anggota, diplomasi ketenteraan dan meningkatkan keupayaan industri pertahanan. Peluang untuk meningkatkan keupayaan ini turut terbuka luas di era pemerintahan Presiden Susilo Bambang Yudhoyono (SBY) apabila negara Barat terutamanya AS menarik balik sekatan ketenteraan terhadap Indonesia sekali gus membolehkan TNI meningkatkan lagi keupayaan ketenteraannya melalui perolehan persenjataan, latihan dan diplomasi ketenteraan.

¹ Strategic Defence Review, 2009, ms 6.

² Rizal Sukma, 2011, ms 8.